

# Jurnal

PEMIKIRAN DAN KEPIMPINAN MELAYU

# 2013



©Institut Pemikiran Dan Kepimpinan Melayu

Hakcipta terpelihara

Tidak dibenarkan mengulang dalam apa-apa jua bentuk dan dengan apa juga cara baik secara elektronik, fotostat, mekanik, rakaman atau lain-lain, mana-mana bahagian kandungan penerbitan ini sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Pengarah, Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK), Universiti Teknologi MARA, Blok 11, Aras 3, Intekma Resort & Convention Centre, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia – Data Pengkatalogan – dalam – Penerbitan

Jurnal Pemikiran Dan Kepimpinan Melayu 2013.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

Institut Pemikiran Dan Kepimpinan Melayu

Blok 11, Aras 3, Intekma Resort & Convention Centre,

40450 Shah Alam,

Selangor Darul Ehsan Malaysia.

Tel: 03-5522 5448 / 5515

Fax: 03-5522 5489

e-mail: [impakuitm@salam.uitm.edu.my](mailto:impakuitm@salam.uitm.edu.my)

Mengandungi Indeks: ISSN 2289-5744

e-Printed oleh: INSTITUT PEMIKIRAN DAN KEPIMPINAN MELAYU (IMPAK)

Pendapat yang dikemukakan oleh penulis-penulis dalam jurnal ini adalah pandangan peribadi mereka dan tidak semestinya mewakili pandangan Insitut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK) dan UiTM. Sebarang ulasan, kemusykilan dan pertanyaan tentang artikel-artikel yang diterbitkan hendaklah dikemukakan kepada Sidang Editor.

## **Sidang Editorial**

### **Pengerusi:**

Prof. Madya Dr. Mohd Sazili Mohd Shahibi

### **Editor Perunding :**

Y.Bhg Prof. Datuk Hj Abdul Halim Sidek

Y.Bhg Prof. Dr. Kamaruddin Mohd Said

Y.Bhg Prof. Dr. Sohaimi Zakaria

Y.Bhg Datuk Zaini Hassan

Prof. Madya Dr. Mohd Ridhuan Tee Abdullah

En. Zulkifli Ab. Rashid

### **Ketua Penyelaras Editorial:**

Prof. Madya Dr. Ghazali Daimin

### **Sidang Editor:**

Prof. Madya Dr. Muhammad Rozi Malim

Dr. Samsudin Wahab

Prof. Madya Mat @ Muhammad bin Yusoff

Tuan Haji Juwahir Ali

En. Hassan Abdullah

En. Fairul Nazmie bin Osman

Pn. Norhayati Hussin

### **Grafik:**

En. Mohd Husni Mohd Som

En. Hussien Harnis

En. Mohd Hafiz Ab Satar

## Isi Kandungan

Tajuk	M/s
<p><b>Dasar Kepimpinan Najib: Model Transformasi Ke Arah Kesejahteraan Global</b> Samsudin Wahab, Mohd Sazili Shahibi, Juwahir Ali, Hasan Abdullah Institut Pemikiran Dan Kepimpinan Melayu Universiti Teknologi MARA.</p>	3-10
<p><b>Konsep Satu Malaysia Sebagai Agenda Politik : Perlu Diteruskan Atau Difikir Kembali?</b> Ismail Sualman Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM.</p>	11-28
<p><b>Persepsi Terhadap Kredibiliti Maklumat Politik Di Internet Dalam Kalangan Generasi Muda</b> Mohd Sazili Shahibi, Nurhayati Hussin, Hamka Mohd Noor dan Muhammad Saufi Mohd Hanafiah Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK) Universiti Teknologi MARA (UiTM)</p>	29-35
<p><b>Indeks Kemampuan Pengurusan PKS Melayu/Bumiputera di Malaysia 2012</b> Muhammad Rozi Malim, Mohd Sazili Shahibi, Ghazali Daimin Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK), UiTM.</p>	36-52
<p><b>Model Integrasi Indeks Utama Prestasi (MIUPA-KPIAs) Agensi Payung Industri Homestay Melayu Malaysia</b> Hasan Abdullah, Samsudin Wahab, Mohd Sazili Shahibi, Muhammad Rozi Malim, dan Juwahir Ali Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK), UiTM.</p>	53-71
<p><b>Tahap Keyakinan Diri dan Pencapaian Atlet Bumiputera</b> Vincent A. Parnabas dan Yahaya Mahamood Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, UiTM. Faculty of College of Art and Science, University Utara Malaysia (UUM)</p>	72-77
<p><b>Bahasa Melayu Benteng Islam dan Melayu</b> Azman Che Mat Universiti Teknologi MARA</p>	78-82
<p><b>UiTM dan Destini Melayu</b> Prof Madya Dr Ghazali B. Daimin Fakulti Seni Lukis &amp; Seni Reka (FSSR), UiTM.</p>	83-86
<p><b>Bangkitlah Wahai Remaja Melayu</b> Leylawati Binti Joremi Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTM.</p>	87-92

## MODEL INTEGRASI INDEKS UTAMA PRESTASI (MIIUPA-KPIAS) AGENSI PAYUNG INDUSTRI HOMESTAY MELAYU MALAYSIA

**Hasan Abdullah, Samsudin Wahab, Mohd Sazili Shahibi, Muhammad Rozi Malim,  
dan Juwahir Ali**

Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu, Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam, Selangor

e-mel:hasan451@salam.uitm.edu.my; samsudinw@puncakalam.uitm.edu.my

### ABSTRAK

Kajian melalui geran RMI berjumlah RM20,000 telah mengenalpasti beberapa sumbangan industri homestay kepada penjana ekonomi. Antara sumbangannya ialah terhadap pembinaan kilang-kilang di kawasan sekitar, peningkatan aktiviti-aktiviti kebudayaan, peningkatan peniaga dalam pengeluaran dan perniagaan kuih tradisional, merancang industri catering, peningkatan pembangunan infrastruktur dan prasarana berkaitan pelancongan, memartabatkan industri pertukangan, mewujudkan kampung berinternet (ICT). Dapatan ini menunjukkan bahawa semua usaha yang dilakukan oleh kerajaan melalui gabungan berbagai agensi dan kementerian telah memberikan impak yang besar kepada penjana ekonomi setempat secara mikro seterusnya kepada skop makro secara langsung telah memberi kesan kepada kekukuhan ekonomi negara. Dapatan ini boleh dijadikan satu model penentuan Indeks Prestasi Kementerian (KPI) setiap agensi dan kementerian yang terlibat. Hasilnya, satu model integrasi Indeks Prestasi Kementerian (KPI) bagi Kementerian Pelancongan, Persatuan Homestay Negeri, Medan Infodesa (MID), Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah, Pusat Penerangan *Pelancongan Negeri*, Jawatankuasa Pelancongan Negeri dan Jabatan Kemajuan Masyarakat negeri yang khusus kepada usaha membantu homestay dapat diutarakan. Indeks KPI ini sesuai diintegrasikan kepada agensi-agensi ini kerana ia terbabit secara langsung kepada kejayaan industri homestay Melayu. Model integrasi ini merupakan satu produk atau hasilan yang boleh membanggakan UiTM untuk diketengahkan kepada setiap agensi sebagai satu 'tool' untuk mengukur sumbangan mereka kepada negara secara konsisten melalui aktiviti serampang tiga mata khususnya dalam membangunkan industri homestay Melayu ke peringkat dunia global.

**Kata-Kunci:** Indeks prestasi agensi, Industri Homestay, Melayu, Ekonomi setempat, Malaysi

### 1. PENGENALAN

Industri Pelancongan mencatatkan perkembangan yang pesat membangun dan mendatangkan pulangan besar dalam bentuk tukaran asing kepada ekonomi Malaysia. Seramai 1 839, 235 orang pelancong asing yang melancong ke Malaysia pada Ogos 2008, yang sekaligus menyumbangkan kepada pertambahan 12 peratus berbanding Ogos 2007. Di Asia Timur, Malaysia merupakan negara ketiga yang paling ramai dikunjungi selain dari negara China dan Hong kong. Angka ini melebihi jangkaan jumlah pelancong yang diramalkan mengunjungi Malaysia. Sehubungan itu, terdapat banyak rungutan dari pihak pelancong mahupun daripada pihak hotel yang melaporkan perihal kekurangan bilik penginapan yang tidak dapat ditawarkan kepada pelancong luar mahupun pelancong dari dalam negara. Kekurangan ini walau bagaimanapun telah dapat membantu mempopularkan program pelancongan desa di Malaysia.

Salah satu produk pelancongan desa ini adalah program homestay. Homestay dapat dilihat sebagai satu produk alternatif yang dapat ditawarkan kepada para pelancong sama ada dari dalam mahupun dari luar Malaysia pada masa ini. Program homestay ialah suatu bentuk produk pelancongan yang lebih menekankan kepada pelancongan berasaskan komuniti dan tarikan ekopelancongan (Hathaichanok Phonwiset, 2008). Program Homestay Malaysia telah dilancarkan pada tahun 1995 di Temerloh, Pahang. Program pelancongan ini merupakan sebuah inisiatif di bawah Pelan Induk Pelancongan Luar Bandar yang bertujuan untuk meningkatkan penyertaan masyarakat luar bandar di

dalam sektor pelancongan. Homestay merupakan satu bentuk pengalaman apabila seseorang pelancong tinggal bersama tuan rumah pengusaha Homestay yang telah berdaftar dengan Kementerian Pelancongan. Melalui program ini, pelancong dapat berinteraksi secara terus dengan keluarga yang menjadi tuan rumah (hos) mereka (Norliza Aminuddin & Salamiah A. Jamal, 2006). Para pelancong berpeluang untuk berinteraksi serta mengalami gaya hidup seharian masyarakat kampung dan kebudayaan mereka. Konsep utama yang ditekankan bagi produk ini adalah lebih kepada produk pelancongan gaya hidup atau berunsurkan pengalaman seperti diajar membuat kraftangan tradisional, mengenal alatan muzik tradisional, memasak kuih tradisional, belajar tarian tradisional, melawat kebun buah-buahan, menghadiri majlis perkahwinan orang Melayu dan lain-lain lagi.

Homestay merupakan satu produk pelancongan yang masih baru (Klepinger, 1995), dan kehadirannya di dalam istilah pelancongan adalah kerana kewujudan kedatangan pelancong yang datang dengan ramainya ke sesuatu lokasi pilihan pelancong tersebut. Oleh yang demikian, menurut Zainuddin dan Abu Bakar (2008) maksud Homestay masih kurang jelas dan perlu diperjelaskan dengan lebih tepat lagi. Ini kerana istilah Homestay masih tidak ada di dalam mana-mana buku terjemahan utama. Di luar negara, terdapat pelbagai terma yang digunakan merujuk kepada penginapan pelancong tinggal dengan tuan rumah antaranya *farm stay*, *home visit system*, *agricultural homestay*, mahupun *bed and breakfast* iaitu pelancong hanya menginap dan menikmati sarapan pagi sahaja (Norliza Aminuddin & Salamiah A. Jamal, 2006). Walaubagaimanapun Homestay dalam bab ini bermaksud pelancongan yang menawarkan kemudahan tempat tinggal kepada pelancong dengan tinggal bersama keluarga tuan rumah yang dipilih dan berpeluang untuk berinteraksi serta mengalami cara hidup seharian keluarga berkenaan dan kebudayaan secara langsung.

## **2. PERNYATAAN MASALAH**

Pengusaha Homestay Melayu merupakan penyumbang kepada ekonomi pelancongan negara. Walaubagaimanapun Pengusaha Homestay Melayu masih ketinggalan dan berada di dalam takuk yang sama. Ini kerana sukar untuk Pengusaha Homestay Melayu menembusi pasaran utama tanpa bantuan daripada badan-badan kerajaan. Salah satu kelemahan yang didapati ialah tiada kemahiran yang mencukupi dalam bidang pengurusan, terutamanya pengurusan kewangan disebabkan kurangnya bimbingan daripada pihak-pihak yang mempunyai pengetahuan (Nurulhuda & Ramlee, 2009). Oleh kerana belum ada kajian penglibatan Pengusaha Homestay Melayu di dalam memangkin pelancongan komuniti di Kelantan dan Perlis, kajian ini dirasakan tepat pada masanya.

## **3. OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ialah untuk:

- i. Menilai tahap penglibatan Pengusaha Homestay terhadap pelancongan komuniti
- ii. Mengenalpasti faktor-faktor kejayaan dan kegagalan Homestay tempatan dalam aktiviti
- iii. Mengenalpasti masalah-masalah yang timbul dikalangan pengusaha Homestay dalam membangunkan Homestay
- iv. Menghasilkan model integrasi sumbangan berbagai agensi ke arah kemajuan industri homestay Melayu di Malaysia

## **4. SOROTAN KAJIAN**

Menurut Wipada Unlumert (2007), program homestay didefinisikan sebagai;

*“as one type of lodging that the tourists share with home owner with intention to learn culture and lifestyles from the home owner who is willing to transmit and sharing culture. The homeowner is the one who prepared lodging and foods for the tourists with reasonable pay”*

Meriam Webmaster Dictionary mendefinisikan Homestay sebagai *“ a period during which a visitor I a foreign country lives with a local family ”* (Merriam Webster Corporation, 2002).

#### **4.1 Tahap penglibatan**

Timothy (1999), berpendapat penglibatan penduduk tempatan dalam aktiviti pelancongan dapat dilihat dari dua sudut iaitu yang pertama penglibatan penduduk tempatan dalam membuat keputusan dan kedua penglibatan penduduk tempatan dalam mendapat keuntungan atau faedah hasil dari aktiviti pelancongan. Melalui jenis penglibatan yang pertama, penduduk tempatan berpeluang untuk menyuarakan harapan dan keinginan mereka kepada pihak yang akan membangunkan kawasan berkenaan. Lazimnya, ia berkait rapat dengan perubahan fizikal persekitaran yang merangkumi aspek semulajadi dan juga buatan. Aspek yang kedua pula memberi peluang kepada mereka untuk meningkatkan ekonomi dan taraf hidup. Ia diperolehi melalui peluang-peluang yang wujud hasil dari pembangunan aktiviti pelancongan seperti mengusahakan perkhidmatan pengangkutan, penginapan, kraftangan dan lain-lain lagi.

Terdapat tiga tahap penglibatan penduduk tempatan terhadap aktiviti pelancongan iaitu jenis penglibatan, bentuk aktiviti dan juga kumpulan peserta (Rina Ilyana, 2007). Dalam penemuan juga menghuraikan penglibatan daripada penduduk tempatan dalam aktiviti pelancongan yang membantu mereka meningkatkan lagi taraf ekonomi, sosial dan budaya.

Brandon (1996) pula menambah, penduduk tempatan perlu menetapkan tahap keterlibatan mereka di dalam aktiviti pelancongan yang ingin dikongsi dengan pelancong. Menurut beliau lagi, tidak semua perkara boleh didedahkan atau dikongsi dengan pelancong kerana terdapat perbezaan nilai di antara pihak penduduk tempatan dengan pelancong yang datang.

Menurut Ahli Parlimen Kota Belud, Datuk Abdul Rahman Dahlan (2010), pengusaha homestay di Sabah harus mengaplikasikan Konsep 4K iaitu kemesraan, kebersihan, keharmonian dan keselamatan demi keselesaan pelancong. Ini penting bagi membolehkan industri itu terus mendapat sambutan secara berkesinambungan dari pelancong dalam dan luar negara. Bayangkan jika penduduk kampung tiada kemesraan dengan pelancong, kampung tiada kebersihan, tidak ada keharmonian di kalangan penduduk dan keadaan keselamatan tidak terjamin sudah pasti gambaran kurang elok ini akan menyebabkan pelancong berkemungkinan tidak akan kembali ke homestay tersebut dan menceritakan kepada rakan mereka yang akhirnya merugikan kepada pengusaha terbabit.

Trigg (1996) menambah terdapat banyak faktor yang mempengaruhi struktur organisasi yang mana ianya akan memberi kesan kepada struktur organisasi dan melalui gaya pengurusan, ianya akan mempengaruhi proses sesebuah organisasi. Faktor-faktor ini terbahagi kepada dua iaitu factor dalaman dan luaran. Faktor dalaman terdiri daripada saiz, lokasi, produk semulajadi, gaya pengurusan. Sementara itu, faktor luaran pula terdiri daripada pemilikan, persaingan pasaran, teknologi dan polisi kerajaan.

#### **4.2 Impak Pelancongan Luar Bandar Kepada Penduduk Tempatan**

Di kebanyakan negara-negara membangun, sektor pelancongan dijadikan sebagai pemangkin kepada pembangunan terutamanya di kawasan luar bandar (Hall, 1995 dalam Johan Afendi, 2001). Ia bertujuan bagi meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk yang kebanyakannya bekerja di sektor pertanian yang dibelenggu kemiskinan dan taraf pendidikan yang rendah.

Bagi penduduk sekitar Taman Negara, Pahang mereka telah menerima kemudahan ini seperti bekalan air, elektrik, jalan raya dan telekomunikasi kesan daripada industri pelancongan (Johan Afendi Ibrahim, 2001).

Kedatangan pelancong telah memberikan peluang pekerjaan dan pendapatan kepada penduduk kampung melalui pakej lawatan yang ditawarkan disamping kerjasama dengan beberapa agensi

pelancongan di dalam membawa pelancong. Pihak organisasi juga mengadakan perbincangan secara kerap dengan penduduk tentang kaedah-kaedah yang sesuai yang perlu diterapkan bagi memastikan kejayaan program (Kalsom, 2003).

Pihak kerajaan telah menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur disamping membangunkan sumber manusia seperti memberi latihan dan kemahiran kepada penduduk, bantuan modal bagi memulakan perniagaan, menubuhkan projek-projek berskala kecil seperti membuat barangan kulit, kedai barangan kraftangan, tapak perkemahan, pemandu pelancong dan aktiviti-aktiviti kebudayaan (Mbaiwa, 2005)

## **5. KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Oleh yang demikian, ia akan memberi tumpuan kepada pengumpulan maklumat yang intensif bagi setiap responden kajian, khususnya isu-isu berkaitan dengan pengusaha Homestay Melayu dalam membantu sektor pelancongan negara.

### **5.1 Kaedah Pensampelan Dan Pengumpulan Data**

Pengumpulan data dilaksanakan melalui dua peringkat: (1) Menyediakan responden (rangka pensampelan) yang layak, (2) Memilih secara rawak dari rangka pensampelan berkenaan seramai 50 orang responden. Dengan mengambilkira kekangan kewangan, kawasan kajian dihadkan kepada dua negeri sahaja di Semenanjung Malaysia iaitu Kelantan dan Perlis. Responden sasaran terbahagi kepada dua : (1) Pengusaha Homestay Melayu; dan (2) Wakil komuniti setempat. Rangka pensampelan bagi pengusaha Homestay yang telah digunakan ialah laman sesawang yang menyediakan direktori Homestay. Pengumpulan data ialah melalui temubual berdepan dan melalui telefon dengan pengusaha Homestay yang telah dipilih secara rawak dan menggunakan instrumen tanpa struktur. Pendekatan yang serupa juga digunakan bagi wakil komuniti setempat. Disebabkan kekangan masa bilangan responden yang berjaya ditemubual adalah sebanyak 45 responden pengusaha Homestay di Kelantan dan 45 responden pengusaha Homestay di Perlis. Hasil daripada kaedah kajian ini dapat memberi maklumat yang lebih terperinci mengenai pandangan pengusaha Homestay dan wakil komuniti setempat terhadap peranan dan sumbangan serta kejayaan yang diperolehi oleh Homestay dan kampung tersebut di dalam memangkinkan pelancongan komuniti di Kelantan dan Perlis.

### **5.2 Kaedah Penganalisan Data**

Hasil daripada kajian awal, analisis yang digunakan tertumpu kepada analisis huraian dalam bentuk jadual dan graf. Selain itu, analisis berkelompok (*cluster*) juga digunakan untuk mengenalpasti ciri-ciri yang sama dan membezakan pengusaha Homestay Melayu dari aspek pendapat terhadap tahap penglibatan serta peranan dengan komuniti setempat. Bagi wakil komuniti setempat pula, analisis tertumpu kepada jenis-jenis program yang dilaksanakan serta kesan-kesan program berkenaan.

### **5.3 Hasil Kajian dan Perbincangan**

Semua keputusan yang dibincangkan dalam seksyen ini dibentangkan dalam jadual dan rajah yang akan dilampirkan dalam Lampiran.

Bab ini akan menghuraikan tentang hasil dapatan kajian yang diperolehi melalui proses temuduga yang telah dijalankan. Data-data deskriptif yang diperolehi daripada para responden ini merangkumi aspek tahap penglibatan, faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan dan kegagalan program Homestay dan masalah yang dihadapi oleh pengusaha Homestay dalam menjayakan aktiviti pelancongan.


## 6. KAJIAN DI NEGERI KELANTAN

### 6.1 Latar Belakang

Hasil analisa menunjukkan senarai program homestay yang terdapat di negeri Kelantan. Terdapat 7 buah kampung yang menyertai program Homestay . Secara umumnya terdapat 45 pengusaha yang telah sempat ditemubual dalam kajian ini. Bilangan pengusaha yang mencatat bilangan paling ramai ialah Homestay Batu Papan iaitu seramai 10 orang manakala Homestay Seterpa dan Homestay Jelawang adalah paling sedikit iaitu 4 orang pengusaha sahaja. Manakala Homestay yang lain di dalam lingkungan antara 9 sehingga 5 orang pengusaha sahaja.


Jadual A2.1 : Senarai Nama Homestay di Kelantan

Bil	Nama Homestay	Bilangan Pengusaha
1	Batu Papan	10
2	Renok Baru	9
3	Kubang Telaga	7
4	Bukit Jering	6
5	Kemunchup	5
6	Jelawang	4
7	Seterpa	4
Jumlah		45



Rajah A2.1 : Tempoh program Homestay beroperasi di Kelantan





Rajah A2.2 : Anggaran pendapatan sebulan pengusaha Homestay Kelantan

Setiap Homestay telah berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Persatuan Homestay Negeri. Kementerian juga memberikan bantuan daripada aspek kewangan dan pembangunan infrastruktur kepada Homestay. Institut Latihan Luar Bandar (INFRA) yang merupakan salah satu agensi di bawah kementerian diberi tanggungjawab mengadakan Kursus Asas Pelancongan Desa (Homestay) bagi melatih peserta homestay yang berdaftar tentang cara-cara layanan, sambutan, pengendalian dan penyusunan aktiviti yang patut dilaksanakan bagi pelancong yang tinggal bersama penduduk tempatan

Keputusan menunjukkan program Homestay yang paling lama beroperasi ialah antara 3 hingga 5 tahun (42.2%). Sebanyak 15.6% yang telah beroperasi lebih daripada 10 tahun. Tempoh operasi kurang 2 tahun mencatat peratus sebanyak 24.4% dan diantara 6 hingga 9 tahun peratusannya ialah 17.8%.

Kebanyakan pelancong yang berkunjung ke homestay Kelantan terdiri daripada institusi pengajian tinggi, agensi awam dan swasta. Homestay juga turut dikunjungi oleh pelancong luar negara yang berasal dari Belanda, Jepun, Korea, Singapura, Australia, New Zealand dan sebagainya. Ketibaan pelancong ke homestay disambut oleh penduduk kampung dengan paluan kompang dan bunga manggar serta diberikan minuman selamat datang (*welcome drink*).

Sebahagian besar peserta homestay yang diselidiki bekerja sendiri dalam bidang pertanian, penternakan, menjalankan perniagaan kecil-kecilan dan nelayan. Selain itu, terdapat dikalangan peserta adalah bekas kakitangan kerajaan dan swasta yang telah berpencen.

Harga yang ditawarkan kepada pelancong yang menginap di Homestay adalah sangat rendah dan bergantung kepada pakej yang telah ditetapkan. Purata harga sebuah homestay ialah antara RM50 hingga RM60 sahaja termasuk kemudahan bilik tidur dan makanan. Selain itu, semua aktiviti-aktiviti yang ditawarkan juga berpatutan dan sesuai dengan semua peringkat umur.

Berdasarkan analisa, anggaran pendapatan sebulan pengusaha Homestay diantara R100 sehingga RM1000. Kebanyakan pengusaha memperolehi pendapatan yang tertinggi diantara RM200- RM299 dan RM 300 –RM 399 sebulan yang masing –masing berkongsi peratus sebanyak (24.4%) . Hanya segelintir pengusaha yang memperoleh pendapatan kurang RM100 (11.1%). Lain-lain pendapatan seperti RM400-RM 499 dan lebih daripada RM500 sebanyak 20%.

## 6.2 Analisis Tahap Penglibatan

Penglibatan pengusaha Homestay secara tidak langsung dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Selain itu gaya hidup dan warisan juga dapat dikekalkan melalui program Homestay ini. Pelancongan *homestay* telah membawa satu konsep baru dalam industri pelancongan negara dan dalam masa yang sama ia dapat memajukan sektor pelancongan luar bandar.

Setiap program yang dianjurkan oleh pihak homestay mempunyai keunikan dan daya tarikan tersendiri. Perkhidmatan fasiliti yang disediakan baik dan selesa serta fasiliti yang mencukupi seperti air yang bersih, sumber tenaga elektrik yang selamat dan pengangkutan awam merupakan salah satu tanda aras kepada produk yang berkualiti. Aktiviti-aktiviti yang ditawarkan di homestay seperti memasak hidangan cara kampung, mempelajari cara memasak makanan tradisional, memetik buah-buahan sewaktu musimnya, mempelajari permainan tradisional seperti gasing, gasing pangkah, congkak, tengteng, guli, permainan getah, dan layang-layang dan terokai khazanah alam semulajadi persekitaran kampung, memancing di sungai, bercucuk tanam cara tradisional. Menjadi penari untuk tarian kebudayaan, persembahan muzikal, atau menjadi pengantin dalam majlis perkahwinan yang diadakan untuk tujuan pembelajaran.

## 6.3 Sumbangan ekonomi

Peserta Homestay yang telah ditemubual mengatakan penglibatan mereka dalam Homestay dapat menambah pendapatan dan membuka peluang perniagaan kepada penduduk setempat. Pendapatan yang dijana daripada homestay dikongsi bersama oleh penduduk. Industri ini juga telah menjana ekonomi kepada penduduk kampung.

## 6.4 Faktor- faktor kejayaan program homestay

Kemajuan sesebuah kampung dapat dilihat dengan seberapa banyak kejayaan yang berjaya dilakarkan sepanjang homestay ini beroperasi. Pengerusi memainkan peranan yang penting untuk mencorakkan kejayaan yang ingin dicapai dan peserta homestay pula perlu memainkan peranan untuk melaksanakan corak yang telah dilakar. Kejayaan homestay bergantung kepada beberapa faktor iaitu kemesraan, kebersihan, kepimpinanan, keselamatan, kerjasama, lokasi, produk dan promosi. Untuk huraian yang lebih jelas mengenai kejayaan homestay ditunjukkan di dalam Jadual A2.4 di bawah.

Jadual A2.4: Faktor Kejayaan Homestay

Bil	Faktor	Huraian
1.	Kepimpinan-Pengerusi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengerusi memainkan peranan penting dalam menguruskan homestay dengan memastikan segala masalah berkaitan pengurusan dibincangkan dan diselesaikan dalam mesyuarat.</li> <li>Pengerusi juga sama-sama bertanggungjawab memasarkan program homestay serta mendapatkan bantuan dari sumber-sumber yang ada</li> </ul>
2.	Kebersihan dan keceriaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti gotong royong yang kerap diadakan, terutamanya apabila ada pengunjung yang akan datang, serta aktiviti menanam bunga memastikan persekitaran kampung bersih dan ceria.</li> <li>Sebagai contoh, Jeli dikenali sebagai kampung terbersih.</li> <li>Aktiviti gotong-royong melibatkan semua pengusaha</li> </ul>

		homestay dan juga penduduk kampung.
3.	Keselamatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Rukun tetangga dan RELA di wujudkan untuk menjamin keselamatan pengunjung dan memastikan mereka tidak risau semasa berada di kampung berkenaan.</li> </ul>
4.	Promosi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Promosi yang telah dijalankan melalui radio, internet, blog dan sebagainya dapat menarik para pengunjung untuk berkunjung di Homestay tersebut. Dikenali sebagai kampung contoh, banyak terima anugerah, pernah masuk The Book of Records.</li> <li>Aktiviti kebudayaan seperti permainan sukan rakyat kaki hantu, tanduk kerbau, dikir barat, gasing dan wau.</li> </ul>
5.	Kerjasama	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penduduk kampung juga sering bekerjasama dalam membersihkan kampung dan dalam melakukan aktiviti kemasyarakatan. Aduan daripada peserta dapat meningkatkan lagi prestasi</li> <li>Kerjasama dan perhubungan yang baik antara pengusaha homestay dan masyarakat. Walaupun fahaman politik yang berbeza tetapi dengan satu padu dan penglibatan orang kampung yang baik dapat menjayakan homestay Bukit Jering.</li> </ul>
6.	Lokasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lokasi homestay yang strategik, berdekatan dengan kawasan perlancongan seperti Gunung Stong, Pantai Cahaya bulan dan Pantai Irama Bachok</li> </ul>

### 6.5 Faktor- faktor kegagalan program homestay

Terdapat beberapa faktor kegagalan yang menyebabkan program homestay tidak dapat dijalankan seperti di Jadual A2.5. Apabila faktor-faktor kegagalan tidak dapat diatasi menyebabkan peserta dan pelancong berkurang. Semua pihak perlu memberi kerjasama bagi mengatasi kegagalan yang dihadapi.

Jadual A2.5: Faktor Penghalang Kepada program Homestay

Bil	Faktor	Huraian
1.	Promosi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kurangnya usaha untuk mempromosikan homestay menyebabkan maklumat tentang homestay kurang diketahui oleh orang luar.</li> <li>Kebanyakan homestay amat bergantung kepada promosi yang dilakukan oleh pihak kerajaan melalui brosur.</li> <li>Sebahagian besar kampung yang menjalankan program homestay tidak mempunyai laman web sendiri bagi</li> </ul>

		membolehkan pelancong mendapatkan maklumat perkhidmatan yang ditawarkan
2.	Kepimpinan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengerusi dituduh tidak adil semasa membahagikan peserta kepada pengusaha dan ini menyebabkan pendapatan tidak sama rata.</li> <li>• Sebahagian besar kampung tidak mempunyai satu jawatankuasa homestay sendiri tetapi diuruskan oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) - oleh itu kurang berkesan.</li> </ul>
3.	Ejen	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lambat mendapat bayaran daripada ejen</li> </ul>
4.	Kemesraan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Layanan yang kurang mesra dari pengusaha menyebabkan pelancong tidak selesa dan kemungkinan tidak akan datang semula atau menggalakan orang lain untuk datang</li> </ul>
5.	Bayaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bayaran lewat diterima, terutamanya daripada rombongan pelancong tempatan, misalnya universiti.</li> </ul>
6.	Keceriaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Persekitaran kampung kurang ceria tanpa bunga-bunga dan tarikan lain</li> </ul>
7.	Kemudahan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilik yang disediakan tidak dapat menampung bilangan pelancong yang berminat untuk berkunjung</li> </ul>
8.	Komunikasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masalah komunikasi dalam pelbagai bahasa menyebabkan sukar bagi pengusaha untuk berinteraksi dengan peserta dari luar negara.</li> <li>• Penduduk tempatan juga kurang memahami budaya serta citarasa pelancong yang datang dan ini boleh menimbulkan persepsi yang negatif kedua-dua pihak</li> </ul>
9.	Kerjasama	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kurangnya kerjasama antara penduduk kampung turut menjejaskan keharmonian di kalangan mereka</li> </ul>

#### 6.6 Masalah Dalam Pengusaha Homestay terhadap Aktiviti Pelancongan

Masalah utama yang timbul dalam pengusaha Homestay terhadap aktiviti pelancongan dapat dilihat dalam Jadual A2.6 di bawah.

Jadual A2.6: Masalah Yang Dihadapi Oleh Pengusaha Homestay Kelantan


Bil	Masalah	Huraian
1.	Bekalan air	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bekalan air sering terganggu terutamanya pada musim kemarau menyebabkan penduduk terpaksa mendapatkan bekalan air telaga atau sungai.</li> </ul>
2.	Agihan pelancong	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jumlah pelancong yang diagihkan kepada setiap pengusaha tidak sama. Ini menyebabkan pendapatan tidak sama rata antara pengusaha homestay.</li> <li>Pengunjung yang datang kurang daripada yang dijanjikan dan tidak cukup untuk diagihkan sama rata kepada semua pengusaha.</li> </ul>
3.	Kemahiran	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengusaha kurang mahir dalam menguruskan homestay, disamping kurang kemahiran untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris</li> </ul>
4.	Prasarana	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bilik tidur dan bilik air tidak mencukupi</li> <li>Bilik tidur tidak dilengkapi dengan kemudahan penghawa dingin</li> <li>Dewan serbaguna tidak disediakan di kampung untuk aktiviti kebudayaan dan lain-lain.</li> </ul>
5.	Modal	<p>Modal tidak mencukupi untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>menambah bilik tidur dan bilik air.</li> <li>Menyelenggara kemudahan penginapan</li> </ul>

## 7. KAJIAN DI NEGERI PERLIS


### 7.1 Latar Belakang

Secara keseluruhan seramai 30 pengusaha yang terlibat dalam program homestay. Felda Mata Ayer dengan 18 pengusaha, diikuti Homestay Paya Guring seramai 17 pengusaha dan Homestay Ujung Bukit terdiri daripada 10 pengusaha.

Kebanyakan penduduk kampung bekerja sendiri dan hanya sebahagian penduduk yang bekerja kerajaan. Perusahaan Homestay merupakan salah satu punca pendapatan tambahan untuk penduduk kampung di Perlis. Cetusan idea penubuhan homestay ialah daripada program anak angkat yang dilakukan seterusnya menimbulkan minat untuk menyahut seruan kerajaan bagi menjayakan program Homestay. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah turut memainkan peranan dan memberi galakkan kepada kampung yang pernah memenangi anugerah kampung terbaik untuk mewujudkan program homestay dalam usaha merencanakan sektor pelancongan tempatan iaitu cuti-cuti Malaysia.



Rajah A2.3 : Tempoh program Homestay beroperasi di Perlis



Rajah A2.4 : Anggaran pendapatan sebulan pengusaha Homestay Perlis

Keputusan juga menunjukkan program Homestay yang paling lama beroperasi ialah lebih 10 tahun dengan peratus sebanyak 20%. Kebanyakan pengusaha Homestay di Perlis telah beroperasi selama 3 hingga 5 tahun yang mencatat peratus sebanyak 53.3%. Hanya segelintir pengusaha yang beroperasi kurang 2 tahun dan diantara 6 hingga 9 tahun iaitu sebanyak 13.3%.

Kadar sewaan untuk para pelancong dikenakan dengan kadar yang rendah iaitu anggaran antara RM50 sehingga RM 70 sehari. Bayaran itu termasuk sarapan pagi, tengah hari dan malam. Aktiviti yang dijalankan atas permintaan pelancong dan dikenakan bayaran lain dengan harga yang berpatutan.

Dapatan kajian mendapati pendapatan sampingan pengusaha Homestay dipengaruhi oleh kehadiran para pelancong yang menginap di homestay mereka. Kebiasaannya Homestay akan menjadi tumpuan terutamanya pada musim cuti sekolah. Anggaran pendapatan sebulan pengusaha Homestay diantara R100 sehingga RM1000. Kebanyakan pengusaha memperoleh pendapatan yang tertinggi diantara RM100 - RM199 sebulan (43.3%). Hanya segelintir pengusaha yang memperoleh pendapatan kurang RM100 (6.7%) dan di antara RM300 –RM399 (3.3%). Lain –lain pendapatan sebanyak RM200-299 (16.7%) dan RM 400-499 (10%).

Kajian mendapati peserta sangat aktif dalam menjalankan program homestay. Peserta memainkan peranan dengan : (1) menjadi pemandu pelancong kepada tetamu yang hadir; (2) melibatkan diri dalam persembahan; meraikan tetamu seperti paluan kompong bagi menyambut kedatangan tetamu dan bermesra dengan tetamu; (4) melibatkan diri dalam penyediaan jamuan dan (5) memberi sokongan melalui kehadiran mereka dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh jawatankuasa untuk tetamu.

Penglibatan pengusaha Homestay secara tidak langsung dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Selain itu, program Homestay ini telah berjaya meningkatkan pengiktirafan masyarakat luar tentang keunikan dan kebudayaan di kampung tersebut, Lebih menarik lagi infrastruktur dan perkhidmatan tempatan turut dinaiktarafkan dengan wujudnya program homestay di kampung. Pelancongan *homestay* telah membawa satu konsep baru dalam industri pelancongan negara dan dalam masa yang sama ia dapat memajukan sektor pelancongan luar bandar.

## **7.2 Analisis Tahap Penglibatan**

Kajian mendapati peserta sangat aktif dalam menjalankan program homestay. Peserta memainkan peranan dengan : (1) menjadi pemandu pelancong kepada tetamu yang hadir; (2) melibatkan diri dalam persembahan; meraikan tetamu seperti paluan kompang bagi menyambut kedatangan tetamu dan bermesra dengan tetamu; (4) melibatkan diri dalam penyediaan jamuan dan (5) memberi sokongan melalui kehadiran mereka dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh jawatankuasa untuk tetamu.

Penglibatan pengusaha Homestay secara tidak langsung dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Selain itu, program Homestay ini telah berjaya meningkatkan pengiktirafan masyarakat luar tentang keunikan dan kebudayaan di kampung tersebut, Lebih menarik lagi infrastruktur dan perkhidmatan tempatan turut dinaiktarafkan dengan wujudnya program homestay di kampung..

Melalui temuduga yang telah dilakukan, kajian mendapati bahawa terdapat pelbagai aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan bagi menjayakan program pelancongan di kampung ini. Terdapat lima bentuk aktiviti utama yang dijalankan iaitu aktiviti *homestay*, pertunjukan kebudayaan, aktiviti perusahaan IKS, aktiviti pelancongan agro dan beberapa aktiviti pelancongan yang lain. Pelancong tidak hanya melihat sahaja segala aktiviti dari penduduk kampung yang terbabit. Mereka diberikan penerangan, demonstrasi dan juga turut berpeluang untuk mencuba segala aktiviti tersebut. Kebanyakan rumah peserta mempunyai dusun buah-buahan dan ini merupakan kelebihan dan keunikan kepada Homestay ini.

## **7.3 Sumbangan ekonomi**

Program Homestay yang telah dijalankan untuk memberi penduduk kampung berpeluang meningkatkan ekonomi masing-masing. Menurut Pengerusi Gerakan Desa Wawasan kampung Paya Guring, En Romly:

*“Taraf ekonomi keluarga yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti ni juga meningkat. Dengan sedikit pendapatan tambahan yang mereka perolehi, dapat juga digunakan untuk tambah-tambah belanja. Bagi yang membuat makanan tradisional pun dah nampak kemajuannya. Perniagaan mereka semakin berkembang.”*

Pengerusi Homestay Ujung Bukit turut menambah:

*“ Bagi mereka yang terlibat dengan aktiviti kebudayaan, pendapatan mereka turut bertambah secara tidak langsung ”*

Manakala Pengerusi Felda Mata Ayer, En Omar memberitahu:

*“ Dengan wujudnya Homestay, produk buluh rebung dan pelam harum manis dapat diperkenalkan seterusnya dapat memberi sedikit pendapatan kepada penduduk.”*

Jadual A2.9 di bawah menghuraikan antara sumbangan ekonomi yang terdapat di Homestay di Perlis.

Jadual A2.9: Sumbangan ekonomi

Bil	Sumbangan	Huraian
1.	Kilang	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perusahaan minyak angin raja kayu, kilang sos dan industri kecil yang lain.</li> </ul>
2.	Kebudayaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Di samping memperkenalkan budaya Perlis, peserta secara tidak langsung dapat menambah pendapatan melalui aktiviti kebudayaan seperti hidrah, persembaha biola, berendoi, gendang panjang dan lain-lain.</li> </ul>
3.	Makanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Hasil jualan kuih-muih tradisional seperti bahu, kuih karas dan peniram</li> </ul>
4.	Prasarana	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penambakan dan naik taraf prasarana dilakukan di negeri wujudnya program homestay</li> <li>Dewan sebaguna untuk bermesyuarat serta pentas bagi aktiviti kebudayaan, jalan bertar untuk laluan penduduk dan pelancong, bekalan air yang mencukupi untuk kegunaan penduduk, dewan makan bagi kegunaan jamuan dan kenduri.</li> </ul>
5.	Perusahaan kraftangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kreativiti penduduk kampung dalam pembuatan kraf seperti penghasilan bakul, tudung saji dan raga dari surat khabar dapat menambah pendapatan untuk penduduk.</li> </ul>

#### 7.4 Faktor- faktor kejayaan program homestay

Kemajuan sesebuah kampung dapat dilihat dengan seberapa banyak kejayaan yang berjaya dilakarkan sepanjang homestay ini beroperasi. Pengerusi memainkan peranan yang penting untuk mencorakkan kejayaan yang ingin dicapai dan peserta homestay pula perlu memainkan peranan untuk melaksanakan corak yang telah dilakar. Kejayaan homestay bergantung kepada beberapa faktor iaitu kemesraan, kebersihan, kepimpinanan, keselamatan, kerjasama, lokasi, produk dan promosi. Untuk huraian yang lebih jelas mengenai kejayaan homestay ditunjukkan di dalam Jadual A2.10 di bawah.

Jadual A2.10: Faktor kejayaan program homestay

Bil	Faktor	Huraian
1.	Kemesraan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengusaha memberi layanan yang baik kepada pelancong yang datang. Contohnya, kedatangan pelancong yang di sambut dengan paluan kompang dan bunga manggar telah berjaya menarik pelancong terutamanya pelancong luar negara</li> <li>Keramahan penduduk kampung menarik pelancong untuk</li> </ul>



		menginap di homestay.
2.	Kebersihan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kebersihan dan keceriaan kampung terjaga dengan adanya aktiviti gotong-royong oleh penduduk.</li> </ul>
3.	Kepimpinan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembahagian pelancong yang sama rata kepada semua peserta homestay.</li> <li>• Pengerusi memainkan peranan untuk meningkatkan lagi perniagaan homestay terutamanya mendapatkan bantuan modal dan menerajui pelbagai aktiviti untuk menarik lebih ramai pelancong.</li> <li>• Pengerusi menjaga kebajikan semua pengusaha homestay.</li> </ul>
4.	Keselamatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kawalan keselamatan yang ketat di kampung menyebabkan keselamatan pelancong terjamin.</li> <li>• RELA dan Bomba sering membuat rondaan di kampung.</li> </ul>
5.	Lokasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berhampiran dengan bandar dan tempat menarik seperti Gua Kelam, Padang Besar, Taman Ular dan lain- lain.</li> <li>• Lokasi yang berdekatan dengan pusat pengajian menyebabkan permintaan terhadap homestay tinggi terutamanya ketika pendaftaran pelajar dan majlis konvokesyen.</li> <li>• Suasana kampung yang aman dan sesuai untuk beristirehat.</li> </ul>
6.	Produk	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memperkenalkan produk yang ada di kampung dapat menarik minat pelancong untuk berkunjung.</li> <li>• Menambah pendapatan penduduk kampung.</li> <li>• Produk-produk kampung berjaya dimajukan ke peringkat yang lebih tinggi</li> </ul>
7.	Promosi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Promosi yang dijalankan melalui radio, televisyen dan surat khabar telah berjaya menarik pelancong.</li> <li>• Pelancong yang pernah datang ke homestay sebelum ini mengwar-warkan kepada rakan-rakan dan keluarga mereka.</li> </ul>
8.	Kerjasama	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Wujudnya kerjasama antara penduduk kampung dalam mengadakan jamuan, menyambut tetamu dan aktiviti kebudayaan menjadi penarik kepada para pelancong.</li> </ul>

### 7.5 Faktor- faktor kegagalan program homestay

Terdapat beberapa faktor kegagalan yang menyebabkan program homestay tidak dapat dijalankan seperti di Jadual A2.11 di bawah. Apabila faktor-faktor kegagalan tidak dapat diatasi menyebabkan peserta dan pelancong berkurang. Semua pihak perlu memberi kerjasama bagi mengatasi kegagalan yang dihadapi.

Jadual A2.11: Faktor program homestay Perlis gagal

Bil	Faktor- faktor	Huraian
1.	Kepimpinan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pertukaran pengerusi</li> <li>• Pengerusi kurang mahir dengan IT dan kurang mampu untuk berkomunikasi dengan pelancong</li> <li>• Tiada perancangan yang teratur untuk homestay</li> <li>• Pengerusi baru kurang aktif dan tidak banyak aktiviti yang dijalankan di kampung.</li> </ul>
2.	Promosi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada promosi dijalankan.</li> <li>• Gagal memperkenalkan kelainan kepada pelancong tentang produk yang ada di kampung.</li> <li>• Terdapat sekatan dalam membuat promosi.</li> </ul>
3.	Bantuan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bantuan yang disalurkan tidak sampai kepada peserta</li> <li>• Bantuan yang diberikan tidak mencukupi untuk menambahbaik kemudahan.</li> </ul>
4.	Persekitaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Persekitaran kawasan kampung kotor dan tidak selesa untuk pelancong</li> <li>• Lokasi yang jauh dari bandar</li> </ul>
5.	Kemudahan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kelengkapan rumah tidak cukup selesa untuk pelancong</li> <li>• Jalan raya sempit menjejaskan pergerakan pelancong</li> </ul>

### 7.6 Masalah – masalah yang dihadapi oleh pengusaha Homestay

Sepanjang mengusaha Homestay di Perlis, terdapat beberapa kekangan yang dihadapi oleh pengusaha homestay antaranya adalah masalah modal, prasarana, pelancongan dan persaingan. Namun, ada juga masalah-masalah yang dihadapi dapat diselesaikan oleh pengerusi dengan bantuan daripada Kementerian Perlancongan. Selain itu, para peserta homestay juga bersama-sama memainkan peranan untuk membantu meringankan beban terhadap masalah yang dihadapi. Jadual A2.12 di bawah menghuraikan dengan lebih jelas lagi masalah-masalah yang dihadapi.

Jadual A2.12: Masalah yang dihadapi oleh pengusaha Homestay Perlis

Bil	Masalah	Huraian
1.	Modal	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Modal yang tidak mencukupi untuk menambah bilik tidur dan bilik air.</li> <li>• Ia perlu diselenggara dari masa ke semasa.</li> </ul>
2.	Prasarana	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilik yang tidak mencukupi sekiranya peserta ramai yang ingin menginap secara berkumpulan.</li> <li>• Tidak mempunyai dewan serbaguna untuk kursus dan sebarang aktiviti kebudayaan.</li> <li>• Jalan raya yang sempit dan berbahaya untuk pelancong.</li> <li>• Perlu menyediakan pengangkutan awam untuk para pelancong untuk sebarang aktiviti yang melibatkan aktiviti luar.</li> </ul>
3.	Pelancong	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Agihan pelancong yang tidak sama untuk setiap rumah.</li> <li>• Bilangan pelancong yang berkunjung semakin berkurangan dari tahun ke tahun.</li> <li>• Melayani karenah pelancong yang berbagai seperti pelancong yang mahu tinggal di rumah asing.</li> <li>• Penerimaan penduduk kampung terhadap pelancong yang datang terutamanya pelancong luar Negara</li> </ul>
4.	Persaingan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Persaingan daripada Homestay lain.</li> <li>• Persaingan dari hotel bajet yang tumbuh bak cendawan dari hari ke hari.</li> </ul>

## 8. CADANGAN DAN KESIMPULAN

### 8.1 Cadangan Penambahbaikan

Setiap kampung yang mengendalikan program homestay perlu menubuhkan jawatankuasa homestay yang mempunyai struktur organisasi yang khusus. Ia perlu berasingan dengan jawatankuasa-jawankuasa lain yang berperanan dalam pembangunan dan pengurusan kampung. Beberapa biro/unit kecil dalam jawatankuasa homestay perlu ditubuhkan dan diperjelas skop kerja masing-masing supaya tidak berlaku sebarang pertindihan tugas dan pembaziran sumber manusia. Jawatankuasa yang dibentuk terdiri daripada pengerusi, timbalan pengerusi, setiausaha dan bendahari serta penubuhan beberapa biro / unit kecil seperti makanan dan minuman, teknikal, kebersihan, acara, kebudayaan, perubatan, pengangkutan dan acara. Ini memastikan supaya perjalanan aktiviti homestay dapat bergerak dengan lancar dan memberi kepuasan kepada pelancong.

Pihak jawatankuasa perlu berdikari dalam menjalankan program homestay dengan tidak terlalu bergantung dengan bantuan kerajaan dan agensi luar. Walaupun setiap homestay berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Persatuan Homestay Negeri yang melakukan pelbagai aktiviti promosi, penduduk tempatan perlu merancang strategi-strategi baru yang bersesuaian bagi menarik kedatangan pelancong. Pendekatan ini sekaligus memastikan penduduk tempatan mendapat kesan positif secara maksimum daripada pelancongan. Peserta homestay perlu diberi pendedahan dengan melakukan lawatan ke beberapa petempatan homestay yang berjaya untuk menimba ilmu pengetahuan dan berkongsi pengalaman tentang pendekatan-pendekatan terbaik dalam membangunkan sesebuah homestay. Dalam saranan lain, 'homestay' juga perlu meningkatkan kualiti bilik air mereka dari segi standard kebersihan dan kemudahan yang disediakan. Bilik air di 'homestay' boleh dilengkapi dengan perkakas pemanas air, pancuran mandi, tuala tambahan dan lain – lain lagi. Lantai yang basah, ketiadaan pemanas air dan ketiadaan tuala muka di dalam bilik air kadangkala membuatkan pelawat kurang selesa.


Selain itu, penduduk tempatan perlu berubah daripada segi '*mindset*' terhadap pelancongan. Mereka perlu bersedia untuk berubah dengan meninggalkan cara hidup yang tidak baik seperti malas, pengotor, terlalu selesa kepada rajin bekerja, menitikberatkan soal kebersihan, ingin maju dan sebagainya. Penduduk juga perlu peka kepada kehendak pelancong yang sentiasa berubah-ubah mengikut arus semasa industri pelancongan. Pelancong yang datang ke program homestay mempunyai latarbelakang yang berbeza-beza mengikut budaya, negara dan adat resam. Pengetahuan tentang latarbelakang pelancong adalah penting supaya penduduk tempatan mengetahui, memahami dengan kehendak dan keinginan pelancong sepanjang percutian di homestay.

## **8.2 Kesimpulan**

Program homestay dilihat sebagai pemangkin dalam meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk luar bandar melalui pelancongan. Ia merupakan satu pelaburan yang menguntungkan, berpotensi besar dan berdaya maju. Homestay seharusnya tidak dilihat sebagai produk kekampungan, tetapi berupaya mengubah taraf hidup masyarakat luar bandar. Homestay telah berjaya menarik minat pelancong tertentu, lebih-lebih lagi pelancong yang berminat mempelajari tentang kebudayaan dan kehidupan masyarakat tempatan. Kejayaan dan kegagalan pengendalian program homestay bergantung kepada kesepakatan penduduk kampung dan kerjasama agensi-agensi luar dalam program ini. Mereka merupakan tulang belakang dalam memastikan setiap aktiviti dapat dilakukan secara berkesan dan memberikan kepuasan kepada pelancong. Walaupun begitu, homestay adalah sama dengan konsep-konsep pelancongan lain yang tidak terlepas daripada isu kemapanan. Justeru itu, kesemua pihak yang berkaitan dengan program homestay perlu peka dengan perubahan industri pelancongan semasa dengan melakukan beberapa tindakan dan pendekatan yang sesuai bagi memastikan penduduk tempatan tidak menderita akibat pelancongan dan masih menyumbangkan kesan-kesan positif selamanya.

Dengan ini satu model integrasi berbagai agensi dalam menyumbangkan kepada kemajuan homestay boleh digambarkan dalam rajah dibawah;

**Model Integrasi Indeks Utama Prestasi Agensi (MIUPA-KPIAs) Payung Industri Homestay Melayu Malaysia**



**9. PENGHARGAAN**

Penyelidik ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada RMI kerana telah meluluskan geran kepada penyelidikan ini. Semoga dapatan ini akan menjadi panduan kepada usaha memajukan industri homestay Melayu di Malaysia.

**RUJUKAN:**

Phonwiset, H. Yomsatharn, P. Chusakul, w. (2008). *Tourist satisfaction with homestay tourism: Baan Pang Dang, Chiang Mai Province*. Naresuan University, Thailand.

Johan Afendi I. 2001. *Penilaian Kemampanan Terhadap Konsep Eko-Pelancongan Di Kawasan Yang Dilindungi, Kajian Ke : Taman Negara, Pahang*, Universiti Teknologi Malaysia.

Kalsom K., Nor Ashikin MN & Mohmad Amin MI. 2003. *Community Participation In Kedah Homestay Programs*, Fakulti Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti Dan Alam Sekitar, Universiti Utara Malaysia.

Mbaiwa E. J. 2005. Enclave Tourism And Its Socio Economic Impacts In The Okavango Delta, Botswana. *Journal of Tourism Management*. 4, 14 – 23.

Norliza A., Salamiah A. J. (2006). *Homestay Selangor: Keunikan dan pengalaman pengusaha*. Pusat Penerbit Universiti, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.

Nurulhuda C. A. & Ramlee M. (2009). A case study of SMI Bumiputera agropreneurs in Terengganu. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34, 143 – 165.

Swarbrooke, J.(2002). Sustainable Tourism Management. Cultural Attraction and British Industry.

Timothy, D.J. (1999). “Participatory Planning : A View Of Tourism In Indonesia.” *Annals of Tourism Research* 26, 371-391.

Trigg, P. (1996). Leisure and Tourism GNVQ. Oxford. Butterworth Heinemann.

Wipada Unlumlert (2007) *Criteria creation for management evaluation of Thai homestay: A case study of Ubonratchathani Province, Thailand*. Mahidol University, Bangkok.

Rina, Z. (2007) *Penglibatan Dari Penduduk Tempatan Dalam Aktiviti Pelancongan Dapat Membantu Mereka Meningkatkan Lagi Taraf Ekonomi, Sosial Dan Budaya Kajian Kes : Kampung Serkat, Pontian, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia

[www.merriam-webster.com/dictionary/homestay](http://www.merriam-webster.com/dictionary/homestay)

